

Headline	Harga hartanah di pasaran utama meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 May 2020	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	26	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,660
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,981



## Harga hartanah di pasaran utama meningkat

**TAWARAN** harga untuk hartanah telah meningkat dengan baik di pasaran utama negara walaupun terdapat kesan akibat koronavirus (Covid-19) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan.

Laporan Indeks Pasaran Hartanah menunjukkan peningkatan marginal secara keseluruhan pada suku pertama, meningkat 0.63 peratus daripada 88.90 pada suku keempat 2019 kepada 89.46 pada suku pertama 2020.

Pengurus Negara PropertyGuru Malaysia, Sheldon Fernandez berkata, Selangor menunjukkan kenaikan tawaran tertinggi iaitu 1.94 peratus daripada 91.43 pada suku keempat 2019 kepada 93.20 pada suku pertama 2020, diikuti oleh Kuala Lumpur dengan kenaikan 1.81 peratus daripada 94.90 kepada 96.62 pada tempoh yang sama.

“Laporan tersebut menjelaskan kenaikan berkenaan menunjukkan minat yang kukuh di wilayah tengah, sejajar dengan peningkatan aktiviti pelabur dalam projek bangunan tinggi yang



Tawaran harga untuk hartanah telah meningkat dengan baik walaupun ketika PKP.



SHELDON FERNANDEZ

lebih dekat dengan kawasan metropolitan,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Jelasnya, trend seperti itu dapat dilihat dalam trafik laman web PropertyGuru Malaysia yang mana kondominium dan bangunan tinggi berharga antara RM900,000 hingga RM2 juta merangkumi sebahagian besar carian di portal ini sehingga Mac dan awal April.

Sementara itu, beliau berkata, Pulau Pinang dan Johor menyaksikan penurunan tawaran harga secara berterusan sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan kemerosotan masing-masing berada pada 0.13 peratus dan 0.59 peratus.

“Pulau Pinang menyaksikan indeksinya jatuh dari 95.39 pada suku keempat 2019 menjadi 95.27 pada suku pertama 2020, manakala Johor menyaksikan penurunan terbesar di pasaran utama daripada 99.59 hingga 99.00 pada tempoh yang sama,” katanya.